



## IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA (ISMA)

(Pendaftaran: 2701/97 WP)

27-1-1, Jalan Medan PB 1A, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Tel : 03-8926 1520 Fax : 03- 8926 2520 Website: <http://www.ismaweb.net>

Ruj. Kami : JALINAN – 09 – 01

4 Januari 2010

السلام عليكم ورحمة الله

Tuan/Puan,

### Program Jalinan Ukhuwwah Musim Panas 2010

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Dengan segala hormat dan takzimnya saya merujuk perkara di atas.

2. Saya mewakili Sekretariat Perhubungan Luar Negara Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) ingin menjemput hadir mahasiswa dan mahasiswi luar negara yang sedang bercuti ke 'Program Jalinan Ukhuwwah 2010'.

3. Butiran program tersebut adalah seperti berikut:

*Tarikh:* 22 – 24 Januari 2010  
*Tempat:* Impian Resort, Sungai Congkak, Hulu Langat  
*Yuran:* RM75 seorang

4. Program ini bertujuan untuk mengumpulkan para pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara dari kesemua negara-negara luar di atas beberapa objektif:

- 1) Merapatkan silaturrahim dikalangan pelajar-pelajar luar negara dan membina kesatuan di antara mereka supaya dapat memperkuatkan antara satu sama lain dalam menghadapi cabaran hidup dan pembelajaran di luar negara.
- 2) Perkongsian pengalaman hidup dan belajar daripada tokoh dan graduan lepasan luar negara bersama dengan para peserta untuk mengembangkan skop pemikiran dan kematangan mereka dalam menilai masa hadapan dan cabaran-cabaran yang bakal ditempuhi dalam pembelajaran dan kerjaya masa depan.
- 3) Mengajak bakal-bakal siswazah luar negara untuk sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan dan meluruskan tujuan agar dapat kembali ke tanah air demi berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.
- 4) Menambahkan ilmu-ilmu terkini dan asas-asas tentang Islam melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan.
- 5) Memperkenalkan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) sebagai sebuah badan bukan kerajaan NGO yang berperanan di tengah-tengah masyarakat untuk mengurangkan gejala-gejala sosial dikalangan remaja dan dewasa serta menjurus kepada penghayatan kehidupan beragama dalam amalan seharian.

5. Program ini akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti untuk mencapai objektif-objektif di atas:

- 1) Perkongsian pengalaman hidup dan realiti umat oleh tokoh-tokoh pimpinan ISMA dan bekas siswazah luar negara yang sudah kembali ke tanah air dan bekerja dalam bidang professional.
- 2) Pengisian berbentuk rohani dan pengetahuan umum dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan pelajar muslim.

- 3) Aktiviti permainan dan 'team building' berkonsepkan 'experiential learning'.
- 4) Kuliah.
- 5) dan banyak lagi aktiviti yang bakal menemui para peserta.

6. Maklumat untuk penyertaan:

Segala kelengkapan dan persediaan untuk sepanjang program akan dibekalkan dan disediakan oleh pihak penganjur, termasuk:

- 1) Penginapan.
- 2) Makanan.
- 3) Bahan-bahan di dalam program, buku program dsb.

Yuran Program: RM75, bergantung kepada keupayaan peserta. Kos ini adalah untuk menampung kos makanan dan penempatan selama 3 hari. Sebarang sumbangan amat-amat digalakkan. Yuran penyertaan boleh dibayar semasa pendaftaran.

Kelengkapan yang perlu dibawa peserta untuk program:

- 1) Pakaian yang mencukupi untuk dua hari
- 2) Pakaian sukan untuk permainan ringan
- 3) Alat hemat diri (Berus gigi, sabun dan sebagainya)
- 4) Alat tulis
- 5) Ubat-ubatan peribadi (jika perlu)
- 6) Yuran penyertaan & surat kebenaran ibubapa/penjaga

7. Sekiranya berminat untuk menyertai program ini, sila hubungi mana-mana wakil kami untuk pengesahan penyertaan dan maklumat lanjut.

Aizuddin Khalid  
Email: [addinkhalid@yahoo.com](mailto:addinkhalid@yahoo.com)  
Telefon: 0192433906

Muzaiyah Hanim Muhtar  
Email: [hanim\\_muzaiyah@yahoo.co.uk](mailto:hanim_muzaiyah@yahoo.co.uk)  
Telefon: 019-3369285

M Afiq Ibrahim  
Email: [are\\_feq@yahoo.com](mailto:are_feq@yahoo.com)  
Telefon: 0135852584

Maria Ulfa Md Shah  
Email: [mariaulfa\\_01@yahoo.co.uk](mailto:mariaulfa_01@yahoo.co.uk)  
Telefon: 019-3523500

Untuk memudahkan pengurusan, maklumat lanjut tentang program akan dimaklumkan kepada para peserta apabila maklumat pengesahan penyertaan diperolehi daripada peserta-peserta.

Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas,



( Aizuddin Khalid )  
Pengarah,  
Program Jalinan Ukhuwwah 2010

---

**Surat Kebenaran Iubapa**

Saya \_\_\_\_\_ ibu/bapa/penjaga kepada \_\_\_\_\_ dengan ini mengizinkan anak/tanggungan saya untuk menyertai 'Kem Program Jalinan Ukhuwwah Musim Panas 2010' anjuran Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Saya mengakui bahawa pihak ISMA tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kemalangan yang mungkin menimpa anak/tanggungan saya. Bersama ini disertakan yuran pendaftaran sebanyak RM75.

(jika perlu) Untuk makluman penganjur, anak/tanggungan saya menghadapi penyakit \_\_\_\_\_ (nyatakan penyakit jika ada).

Yang Benar,

-----  
(Nama: \_\_\_\_\_ )  
Tarikh:

Nota: